Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 11, November 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pendidikan Sejarah: Satu Sorotan Kajian

M. Kaviza[1]
[1]Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kertas penyelidikan ini telah mengupas sorotan kajian berkaitan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam pendidikan sejarah berdasarkan kajian-kajian lepas. Perkara-perkara yang telah dikupas adalah dari aspek Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia, Kerangka Disiplin Ilmu Sejarah dalam Kurikulum Sejarah, Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dan Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan Mata Pelajaran Sejarah. Sorotan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada para penyelidik yang ingin meneroka perkara yang berkaitan dengan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran Sejarah.

Kata kunci: Kemahiran pemikiran sejarah, Pendidikan sejarah, Sorotan kajian

Integrating Historical Thinking Skills in History Education: A literature Review

Abstract

This research paper has covered the highlights of the studies related to the application of historical thinking skills in history education based on past studies. The literature review that have been covered are from the aspect of the Development of History Education in Malaysia, the Disciplinary Framework of History in the Curriculum, the Application of Historical Thinking Skills and the Learning Process and Facilitation of History Subjects. The highlights of this study are expected to be a guide for researchers who want to explore about the integration of historical thinking skills application in history subjects.

Keywords: Historical thinking skills, History education, literature review

Pengenalan

Sejarah merupakan suatu disiplin ilmu pengetahuan yang mempunyai prinsip yang tersendiri untuk melihat sesuatu peristiwa masa lampau melalui dimensi kaca mata masa kini berdasarkan proses penyelidikan dengan menggunakan rekod-rekod terdahulu (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2006; Abdul Rahman Haji Ismail, 1984; Khoo, 1992; Khoo, Mohd Fadzil & Jazamuddin Baharuddin, 1980).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Pendapat ini adalah selaras dengan pendapat tokoh sejarah terkemuka, E.H. Carr dalam bukunya *What is History?* yang telah mendefinisikan sejarah sebagai suatu proses interaksi yang berlaku antara ahli sejarah dengan fakta-fakta sejarah secara berterusan pada masa kini dan masa lepas (Carr, 1961), manakala tokoh sejarah R.G. Collingwood pula telah mentakrifkan sejarah sebagai proses pemikiran yang mendasari pembinaan dan pemahaman sesuatu ilmu pengetahuan yang berlaku pada masa lampau (Collingwood, 1946). Maka, dapat dirumuskan bahawa sejarah merupakan suatu disiplin ilmu pengetahuan yang penting malah perlu dipupuk melalui proses penyelidikan yang mendalam dengan menyediakan pelbagai sumber maklumat bagi membentuk sebuah masyarakat dan negara yang kukuh.

Sehubungan dengan itu, ilmu sejarah kini semakin diberi perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia melalui pemartabatan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan awam iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 dan pelaksanaan semula mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah rendah secara berterusan sehingga ke sekolah menengah melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017 yang bertujuan untuk memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum melalui Gagasan 1 Malaysia (Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin, 2011; Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; Norizan Seman, 2003; Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2013, 2015; Shakila Yacob, 2010). Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan kedua-dua usaha pemartabatan mata pelajaran Sejarah tersebut pada peringkat nasional dan global dapat direalisasikan dengan berkesan dan jayanya.

Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia

Kurikulum Sejarah di Malaysia telah melalui proses transformasi kurikulum mulai Tahun Enam yang menekankan sejarah Eropah iaitu kuasa British (Khoo, 1992; Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta, 2007). Inovasi dalam kurikulum Sejarah telah berlaku apabila Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penambahbaikan terhadap sukatan pelajaran Sejarah pada peringkat Tahun Empat hingga Tingkatan Tiga melalui Laporan Rahman Talib yang dibentangkan pada tahun 1960 dengan menerapkan sejarah tempatan. Namun begitu, sukatan pelajaran Sejarah masih berfokuskan kepada sejarah Eropah (Mohamad Rodzi Abdul Razak, 2009; Norizan Seman, 2003; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016). Di samping itu, Jawatankuasa Kabinet yang dibentuk pada tahun 1979 telah membuat semakan kepada sistem pendidikan dengan membentuk Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Mata pelajaran Sejarah dalam KBSR telah berlaku proses penggabungjalinan dengan mata pelajaran lain yang disebut sebagai mata pelajaran Alam dan Manusia pada tahun 1983 yang merangkumi peringkat murid Tahun Empat hingga Tahun Enam. Walau bagaimanapun, KBSR telah melalui proses pindaan dengan mewujudkan unsur bersepadu yang melibatkan aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dengan menggabungkan mata pelajaran Sejarah dengan mata pelajaran Geografi yang disebut sebagai Kajian Tempatan bagi murid Tahun Empat hingga Tahun Enam (Mohamad Rodzi Abdul Razak, 2009; Norizan Seman, 2003).

Selain itu, pada peringkat sekolah menengah pula, KBSM telah dilaksanakan mulai tahun 1989 dengan menaiktarafkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras dengan membuat inovasi dari segi kandungan sejarah yang memfokuskan aspek pengetahuan iaitu tumpuan sejarah Malaysia dan sejarah dunia serta kemahiran berfikir dalam kalangan murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima (Mohamad Rodzi Abdul Razak, (2009); Norizan Seman, 2003). Namun begitu, sukatan pelajaran Sejarah telah dirombak semula pada tahun 2002 dengan tujuan meningkatkan taraf pendidikan sejarah dalam konteks Malaysia yang dilaksanakan antara tahun 2003 hingga tahun 2008 selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (PPK, 1988; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016). Berhubung kait dengan perkembangan tersebut, mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus mulai tahun 2013 pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga kini dengan tujuan untuk meningkatkan taraf dan martabat pendidikan sejarah pada peringkat global (Mohamad Rodzi Abdul Razak, 2009; Mohd Samsudin & Shahizan Shahruddin, 2012; Norizan Seman, 2003).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dilaksanakan di bawah teras kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tahun 2013 hingga 2025 yang menekankan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan kreatif, kolaboratif, komunikasi, penyelesaian masalah dan sebagainya yang mendorong murid-murid untuk bersaing pada peringkat antarabangsa (KPM, 2013). KSSR telah mulai dilaksanakan pada tahun 2011 dengan matlamat untuk memastikan murid dapat menguasai kompetensi ilmu pengetahuan dan kemahiran serta menerapkan nilai-nilai murni, manakala KSSM pula telah diperkenalkan pada tahun 2017 dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2020 selaras dengan transformasi kurikulum dari aspek bahan, kerangka, organisasi, kandungan, pengurusan kurikulum, pentaksiran, pedagogi dan peruntukan masa dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima (PPK, 2013, 2015). Hal ini juga menyebabkan berlaku pembaharuan dalam semua kurikulum mata pelajaran di sekolah menengah termasuklah kurikulum Sejarah. Antaranya, penambahbaikan dari segi kandungan yang mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa, pendekatan pembelajaran secara mendalam dan kontekstual dan seterusnya perkembangan pembelajaran murid ditaksir secara berterusan (PPK, 2015).

Kerangka Displin Ilmu Sejarah dalam Kurikulum Sejarah

Tidak dinafikan bahawa dalam kurikulum Sejarah, terdapat kerangka disiplin ilmu sejarah yang sistematik dan saling berkaitan antara satu sama lain seperti inkuiri sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 yang membolehkan murid-murid terdedah kepada proses pengkajian secara mendalam bagi menjelaskan sesuatu isu atau persoalan sejarah yang ditimbulkan dengan menggunakan sumber sejarah sebagai bahan bukti yang konkrit bagi menggalakkan proses pemikiran secara kritis dan analitis (Abu Bakar Nordin, 2013; Hamdan Aziz, Siti Fatimah Mohd Noor, Ruzaini Sulaiman @ Abdul Rahim, Hasnul Hadi Tengah & Siti Rahimah Hamat, 2014; Mardina Nordin, 2015; PPK, 2003, 2015) dan membentuk warganegara Malaysia yang lebih bertanggungjawab, berpatriotik serta mempunyai semangat cinta akan negara (Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin, 2011; Haminah Suhaibo, 2010; Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusuff, 2016).

Rajah 1: Kerangka Sruktur Disiplin Sejarah

Sumber: PPK (2003)

Berlandaskan kepada kerangka disiplin ilmu sejarah tersebut, kesepaduan antara komponen pengetahuan sejarah, kemahiran pemikiran sejarah serta kewarganegaraan dan nilai sivik telah disarankan dalam kurikulum sejarah KSSM seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2 yang bertujuan untuk menjadikan proses pembelajaran Sejarah lebih dinamik dengan mendedahkan murid-murid kepada proses inkuiri yang dapat meningkatkan pemikiran kritis, analitis dan imaginatif (PPK, 2003, 2015) selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013 hingga 2025 iaitu melaksanakan transformasi sistem pendidikan Malaysia untuk melengkapkan setiap murid dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang baharu yang diperlukan bagi merebut peluang dan cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Rajah 2: Komponen Kurikulum Sejarah



Sumber: PPK (2015)

Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah

Walaupun tokoh falsafah Yunani, Socrates telah pun menekankan konsep pemikiran sejak 2500 tahun yang lalu melalui teknik penyoalan, namun penekanannya secara spesifik dalam pendidikan Sejarah telah muncul selepas tahun 1960-an apabila berlaku anjakan dalam proses pembelajaran yang memfokuskan kepada pemerolehan dan pengaplikasian kemahiran pemikiran sejarah ke dalam konteks pembelajaran yang lain (Booth, 1983; Levisohn, 2015; Siti Hawa Abdullah, 2008; Sheehan, 2013; Zaccaria, 1978). Kemahiran pemikiran sejarah merupakan suatu proses intelektual yang bersifat kompleks yang perlu dikuasai oleh murid dalam mengkaji sesuatu peristiwa sejarah secara kritis (Korber & Meyer-Hamme, 2015; Levesque, 2016; Peck & Seixas, 2008). Kemahiran ini merupakan salah satu elemen penting dalam kurikulum Sejarah yang diperlukan dalam proses pembelajaran Sejarah pada semua peringkat persekolahan (Chapman, 2015; Sivachandralingam Sundara Raja, 2018; Spoehr & Spoehr, 1994). Sungguhpun begitu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah telah membolehkan murid-murid berperanan sebagai seorang ahli sejarah yang berpengalaman semasa mereka mengkaji sesuatu peristiwa sejarah dengan menggunakan sumber sejarah sebagai bahan bukti pengkajian (Claravall, 2017; Culminas-Colis & Reyes, 2016; Greene, 1994; Gustafson & McGonnell, 2017; Hynd, Holschuh, & Hubbard, 2004; Wineburg & Martin, 2004). Kemahiran pemikiran sejarah adalah melibatkan proses pengkajian sejarah secara aktif bagi membina dan memahami sesuatu maklumat, idea, konsep atau fakta sejarah secara mendalam seperti yang disarankan oleh tokoh pemikiran sejarah, S. S Wineburg dalam Model Kemahiran Pemikiran Sejarah (Wineburg, 1991a, 2001, 2010).

Walau bagaimanapun, pendapat Wineburg (1991a, 2001, 2010) tersebut adalah bertepatan dengan pendapat Levesque (2008) yang telah menyenaraikan lima kebolehan berfikir yang diperlukan dalam menganalisis sumber sejarah dan membentuk peranan sebagai seorang ahli sejarah. Antaranya,

(a) kebolehan membuat imaginasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku dalam sesuatu situasi dan pengalaman yang dilalui,
(b) kebolehan membina hipotesis berkaitan dengan sebab dan akibat bagi membolehkan sesuatu jangkaan atau peramalan terhadap sesuatu peristiwa sejarah dapat dirasionalisasikan,
(c) kebolehan mengenal pasti antara fakta dan tafsiran yang dapat mewujudkan perbincangan yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa sejarah,
(d) kebolehan mempersembahkan pemahaman terhadap sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih baik dan mudah difahami tanpa mengubah makna sebenar di sebalik peristiwa sejarah yang berlaku dan
(e) kebolehan menilai bagi menentukan tidak berlaku percanggahan pendapat dalam membuat sesuatu kesimpulan berdasarkan bukti yang konkrit dan sahih.

Selain itu, kemahiran pemikiran sejarah juga telah dikonsepsikan oleh Wineburg dan Fournier (1994) dan Wineburg dan Wilson (1991) sebagai suatu proses pemahaman terhadap sesuatu peristiwa sejarah

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

daripada perspektif diri sendiri, manakala VanSledright dan Franks (2000) dan VanSledright (2004) pula mentakrifkan kemahiran pemikiran sejarah sebagai suatu konteks dan tingkah laku seperti pengenalan, atribusi, perspektif penilaian dan kebolehpercayaan yang digunakan untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah yang telah lepas. Tambahan pula, Wilson dan Wineburg (1988) dan Holt (1990) pula telah mengklasifikasikan kemahiran pemikiran sejarah sebagai suatu fakta sejarah, interpretasi dan bukti, kronologi dan kesinambungan dan sebab dan akibat yang dijana melalui analisis sumber sejarah, penulisan sejarah, manakala Seixas (1996) serta Peck dan Seixas (2008) dalam kajian mereka pula telah menjelaskan kemahiran pemikiran sejarah sebagai suatu proses digunakan untuk menentukan kesignifikan sejarah, bukti, perubahan dan kesinambungan, sebab dan akibat, perspektif sejarah dan dimensi ilmu sejarah berdasarkan konsep teras sejarah. Oleh itu, kesemua pendapat pengkaji tersebut (Holt, 1990; Levesque, 2008; Seixas, 1996; Peck & Seixas, 2008; VanSledright, 2004; VanSledright & Frankes, 2000; Wineburg & Fournier, 1994; Wineburg & Wilson, 1991; Wilson & Wineburg, 1988) adalah sealiran dengan pendapat tokoh sejarah, R.G. Collingwood yang telah mentakrifkan kemahiran pemikiran sejarah sebagai suatu proses pengkajian sejarah secara sainstifik yang digunakan bagi menentukan kebenaran dan kesahihan terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku pada masa lepas (Collingwood, 1945). Walau bagaimanapun, Wineburg (1991a, 2001, 2010) dalam kajiannya juga telah menyarankan bahawa proses pemikiran yang melihat sesuatu peristiwa sejarah daripada perspektif diri sendiri (*presentism*) iaitu melihat dari kaca mata atau konteks kini perlu dibentuk. Menurut Wineburg (1991a, 2001, 2010) lagi, murid-murid dapat meningkatkan pemahaman terhadap sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam apabila mereka memainkan peranan sebagai seorang ahli sejarah yang berpengalaman bagi membina suatu kesimpulan yang bernas dan membentuk pengetahuan yang baru. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemprosesan maklumat sejarah berdasarkan bahan bukti sejarah yang sahih dapat membentuk pemikiran sejarah yang bersifat kompleks daripada perspektif masa lepas dan kini.

Selain itu, adalah diakui bahawa komponen kemahiran pemikiran sejarah dalam kurikulum Sejarah pula dapat dipertingkatkan berdasarkan analisis bukti sejarah yang konkrit dan sahih yang menjadikan murid-murid berperanan sebagai seorang ahli sejarah yang berpengalaman bagi mengemukakan sesuatu pentafsiran sejarah secara mendalam dengan membuat perbandingan, menghubung kait dan menilai semula sesuatu peristiwa sejarah antara konteks masa dahulu dan kini (Afterbach & VanSledright, 2001; Barton & Levistik, 2004; Culminas-Culis & Reyes, 2016; Levstik & Barton, 2011; VanSledright, 2002). Tidak dinafikan bahawa pihak PPK (2003, 2015) juga telah menjelaskan kemahiran pemikiran sejarah sebagai kebolehan menganalisis sesuatu peristiwa sejarah yang telah lepas berasaskan bahan bukti sejarah yang terdiri daripada kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi yang telah disepadukan dengan tunjang-tunjang teras perkembangan fizikal dan estetika, sains dan teknologi, komunikasi, kerohanian, sikap dan kemanusiaan dan ketramplian diri dalam kurikulum sejarah. Lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah yang perlu diperkembangkan dalam kalangan murid seperti yang telah disarankan oleh pihak PPK (2003; 2015) adalah seperti berikut:

(a) Kemahiran memahami kronologi merujuk kepada urutan waktu dan peristiwa sejarah yang melibatkan perkembangan sesebuah tamadun. Kemahiran memahami kronologi membolehkan murid-murid dapat melihat suatu peristiwa masa lalu, masa kini dan masa akan datang mengikut urutan dengan menggalakkan mereka membuat perkaitan antara tempoh masa tersebut.
(b) Kemahiran meneroka bukti merujuk kepada perbandingan antara sumber primer dengan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat sejarah. Melalui kemahiran meneroka bukti, murid-murid dapat mengenal pasti jenis-jenis sumber bagi mendapatkan maklumat sejarah yang diperlukan.
(c) Kemahiran membuat interpretasi merujuk kepada pentafsiran terhadap sesuatu peristiwa sejarah dengan membuat perbezaan antara fakta dan tafsiran berdasarkan bukti sejarah. Oleh kerana kemahiran membuat interpretasi membolehkan murid-murid dapat memahami perkaitan antara fakta dan tafsiran sejarah dengan lebih baik, maka interpretasi perlu dilakukan secara sistematik dan teratur bagi membantu mereka untuk membentuk suatu makna sejarah yang dapat dipraktikkan pada masa hadapan.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

(d) Kemahiran membuat imaginasi merujuk kepada penglibatan dalam sesuatu situasi peristiwa sejarah yang telah berlaku. Melalui kemahiran membuat imaginasi, murid-murid dapat dilibatkan dalam sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah bagi membolehkan mereka mengkaji dan menghayati peristiwa tersebut secara visual dan empati. Hal ini kerana murid-murid dapat menilai sejarah dari kaca mata sumber-sumber yang dikaji.

(e) Kemahiran membuat rasionalisasi merujuk kepada pertimbangan yang adil dalam menyelesaikan sesuatu soalan sejarah dengan menggunakan akal fikiran. Bagi membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan, murid-murid perlu mempunyai kemahiran mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan kesignifikan bukti dan membuat inferen daripada bahan-bahan yang diterokai bagi mendapatkan pengetahuan dan maklumat yang relevan bagi membuat suatu keputusan yang lebih rasional.

Penyepaduan antara proses pemikiran sejarah dengan tunjang-tunjang teras tersebut dalam kurikulum Sejarah adalah bertepatan dengan kajian Culminas-Colis dan Reyes (2016), Jenkins (2002), Martin, (2012) serta Waring dan Robinson (2010) yang menerangkan proses pemikiran yang kritis dan analitikal dapat dibentuk dengan menggabungkan kebolehan menganalisis, menulis, membaca, membandingkan, menghubung kait dan menilai sesuatu pentafsiran sejarah melalui analisis sumber sejarah secara komprehensif. Namun begitu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid masih berada pada tahap sederhana (disebabkan oleh kelemahan murid dalam menjawab soalan aras pemikiran sejarah tinggi yang memerlukan mereka membuat perbandingan antara maklumat sejarah dan membuat penjelasan secara adil, terperinci dan teliti berdasarkan pelbagai perspektif dan sudut pandangan yang berbeza (Ling, Mona Massod & Siti Hawa Abdullah, 2016; Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah, 2014).

Selain itu, dapatan kajian-kajian lepas (Abdul Razaq Ahmad, 2010; Rosy Talin, 2015, 2016; Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad, 2015; Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarul & Elisabeth Tak, 2010; Sivachandralingam Sundara Raja, 2018; Kaviza. 2018; 2019; 2020) juga telah turut menekankan kepentingan dan keperluan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah selaras dengan matlamat untuk melahirkan murid yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global (KPM, 2013; PPK, 2003, 2015). Sungguhpun begitu, matlamat yang dihasratkan tersebut tidak dapat tercapai sekiranya murid-murid memfokuskan kepada penghafalan maklumat daripada buku teks tanpa menguasai makna di sebalik sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku secara kronologi, menyempitkan proses dan cara melihat sesuatu peristiwa daripada pelbagai sudut pandangan yang berbeza (Fitzgerald, 2009; Foster & Crawford, 2006; Marino, 2011; Ramoroka & Engelbrecht, 2015; Tarman & Kuran, 2015). Oleh itu, perubahan dalam kaedah pembelajaran sejarah sedia ada adalah diperlukan dengan membuat anjakan daripada proses penerimaan maklumat sejarah secara pasif kepada proses pembinaan maklumat sejarah secara aktif (Barton & Levistik, 2004; Cuban, 2016; Grant et al., 2017).

Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan Mata Pelajaran Sejarah

Walaupun kurikulum Sejarah berkembang dengan baik melalui KSSR dan KSSM, namun pengajaran yang bersifat sehala adalah tidak mampu untuk meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah seperti yang disarankan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Sejarah (PPK, 2015). Hal ini demikian kerana pencapaian dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah akan menjadi terhad disebabkan oleh tumpuan diberikan kepada proses penerimaan dan penghafalan maklumat secara pasif sahaja (Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta, 2007; Mohd Rodzi Abdul Razak, 2009; Cuban, 2016; Gleeson & D'Souza, 2016). Oleh itu, tidak dapat disangkal juga, mata pelajaran sejarah telah dianggap sebagai mata pelajaran yang bosan dan tidak diminati oleh murid-murid (Fitzgerald, 2009; Kobrin, 1996; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad, 1996). Sehubungan dengan itu, kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan Sejarah mestilah memfokuskan kepada proses pemahaman terhadap ilmu sejarah yang melibatkan aspek penguasaan kandungan sejarah dan pengaplikasian strategi pemikiran aras tinggi (Abdul Razaq Ahmad, 2010; PPK, 2003,

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

2015; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; Thangamalar Paramasivam & Nagendralingam Ratnavadivel, 2018), di samping dapat menggalakkan proses penglibatan murid secara dua hala di dalam kelas agar kemahiran pemikiran sejarah dapat dipertingkatkan secara menyeluruh dan berterusan selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 (KPM, 2013).

Kesimpulan

Kesimpulannya, penerapan komponen kemahiran pemikiran sejarah dalam kurikulum sejarah adalah sangat penting dan tidak boleh diabaikan lagi kerana melibatkan proses menaakul dengan menguasai kandungan sejarah seperti tokoh, masa, lokasi, dan konsep sejarah yang khusus bagi membentuk pola pemikiran sejarah yang unik dalam kalangan murid (Booth, 1983; Deborah, 2012; Levisohn, 2015; Mink, 1987; Sheehan, 2013; Zaccaria, 1978). Hal ini demikian kerana mata pelajaran Sejarah adalah didapati berbeza dengan kerangka disiplin ilmu bagi mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Sains, Matematik, Teknologi, Geografi dan sebagainya yang mengutamakan kepada disiplin pemikiran tertentu (Kitson & Husbards, 2011; Schmidt, 2019). Pendek kata, bagi meningkatkan pencapaian dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid secara berterusan, maka guru-guru Sejarah perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik, berinformasi, berinteraktif dan menyeronokkan bagi memastikan murid-murid dapat mendalami ilmu sejarah dengan lebih baik (Ashby, 2011; Brooks, Aris & Perry, 1998; Drake & Nelson, 2005) dan meningkatkan penglibatan aktif murid-murid terhadap proses pemikiran sejarah secara kritis (Sheehan, 2013; Vivancos & Ferrer, 2018; Wineburg, Smith & Breakstone, 2018).

Rujukan

Abdul Rahman Haji Abdullah. (2006). *Pengantar ilmu sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Haji Ismail (1984). *Apakah sejarah menurut E.H.Carr*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwarirta. (2007). *Sejarah dan pendidikan sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia.* Bandung: Historia Utama Press.

Abdul Razaq Ahmad (2010). The acquisition of conceptual understanding of historical thinking in the context of multi-ethnic students in Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, *10*(2), 108-119. Retrieved from: www.ejournal.upi.edu/

Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. *JUKU: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, *1*(3), 10-18. Retrived from: www.juku.um.edu.my

Afterbach, P., & VanSledright, B. (2001). Hath! Doth! What middle graders reading innovative history text. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, *44*, 696-707.

Ahmad Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin. (2011). History curriculum development model towards nation building of Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, *12*(1), 40-52. Retrieved from: www.ejournal.upi.edu/

Ashby, R. (2011). Understanding historical evidence, teaching and learning challenges: Debates in history teaching. New York: Routledge

Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2004). *Teaching history for the common good*. Mahwah, NJ: Erlbaum.

Booth, M.B. (1983). Skills, concepts, and attitudes: the development of adolescent children's historical thinking. *History and Theory*, *22*(4), 101-117. Retrieved from: http://www.jstor.org/stable/2505218

Brooks, R., Aris, M., & Perry, I. (1998). *The effective teaching of history*. England: Addison Wesley Longman Limited.

Carr, E.C. (1961). *What is history?* New York: Vintage Books.

Chapman, A. (2015). Developing historical and meta-historical thinking in history classrooms: reflections on research and practice in England. Dialogos, *19*(1), 29-55. doi: 10.4025/dialogos.v19il.1031.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Claravall, E.B. (2017, Julai/Ogos). Thinking like a historian: Developing disciplinary literacy in history among middle school struggling readers. *Literacy Today*, 32-33. Retrieved from: www.literacyworldwide.org

Collingwood, R.G. (1946). *The idea of history*. United Kingdom: Clarendon Press Conway, M.A., Cohen, G., & Stanhope, N. (1991). On the very long-term retention of knowledge acquired through formal education: Twelve years of cognitive psychology. *Journal of Experimental Psychology: General*, *120*(4), 395-409.

Cuban, L. (2016). *Teaching history then and now: A story of stability and change in schools*. Cambridge: Havard Education Press.

Culminas-Colis, M.V., & Reyes, W.M. (2016). Teaching historical thinking skills through "reading like a historian" method. *The Normal Light, 10*(1), 56-77.

Deborah, J.H. (2012). Engaging students in historical thinking: Implementing the Australian history curriculum. *Primary and Middle Years Educator, 10*(1), 3- 11. doi:10.108/00131857.2015.1101363

Drake, F.D., & Nelson, L.R. (2005). *Engagement in teaching history: Theory and practice for middle and secondary teachers*. New Jersey: Pearson.

Fitzgerald, J.C. (2009). Teaching the reasons why: An analysis of causation in history textbooks and historical primary sources documents. *Universal Journal of Educational Research, 7*(4), 1027-1036. doi: 10.13.189/ujer.2019.070414

Foster, S., & Crawford, K. (2006). *What shall we tell the children? International perspectives on school history textbooks*. Greenwich: Information Age.

Gleeson, A.M., D'Souza, L.A. (2016). Reframing a social studies methods course: Preparing elementary teacher candidates for the common core. *The Social Studies, 107*(5), 165-170. doi:10.1080/00377996.2016.1192094

Grant, S.G., Lee, J., & Swan, K. (2017). *Teaching social studies: A methods book for methods teachers. United* States of America: Library of Congress Cataloging in Publication Data.

Greene, S. (1994). The problems of learning to think like a historian: Writing history in the culture of the classroom. *Educational Psychologist, 29*(2), 89-96. doi:10.1207/s15326985ep2902-4.

Gustafson, G.C., & McGonnell, M. (2017). Learning to think, read and write like historians. *Education Voice*, 10, 2-19.

Hamdan Aziz, Siti Fatimah Mohd Noor, Ruzaini Sulaiman @ Abdul Rahim, Hasnul Hadi Tengah & Siti Rahimah Hamat. (2014). *Metodologi sejarah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.

Haminah Suhaibo. (2010). Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL, 9,* 1-18.

Holt, T. (1990). *Thinking historically: Narrative, imagination and understanding*. New York: College Board.

Hynd, C., Holschuh, J.P., & Hubbard, B.P. (2004). Thinking like a historian: College students reading of multiple historical documents. *Journal of Literacy Research, 36*(2), 141-176. doi:10.1207/s15548430jlr360_2

Jenkins, K. (2002). *Re-thinking history*. London: Routledge.

Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. EDUCATUM: *Journal of Social Sciences (EJoSS), 4*(1), 40-47.

Kaviza, M. (2019). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah dalam Kalangan Murid. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 7*(1), 30-38.

Kaviza, M. (2020). Kemahiran Pemikiran Sejarah Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Arahan Kendiri. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5*(4), 1-7.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembanguan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khoo Kay Kim, Mohd Fadzil, & Jazamuddin Baharuddin. (1980). *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Khoo Kay Kim. (1992). *Perkembangan pendidikan sejarah: Sejarah dalam pendidikan persatuan sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kitson, A., & Husbards, C. (2011). *Teaching & learning history 11-18: Understanding the past*. New York: Open University Press

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Kobrin, D. (1996). *Beyond the textbook: Teaching history using documents and primary sources*. Portsmouth, New Hampshire: Heinemann

Korber, A., & Meyer-Hamme, J. (2015). Historical thinking, competencies, and their measurement: Challenges and approaches. In K.Ercikan, & P. Seixas (Eds.), *New directions in assessing historical thinking*. New York: Routledge.

Levesque, S. (2008). *Thinking historically: Educating students for the twenty-first century*. London: University of Toronto Press.

Levesque, S. (2016). Why should historical thinking matter to students? *Agora, 51*(2), 4-8.

Levisohn, J.A. (2015). Historical thinking and its alleged unnaturalness. *Educational Philosophy and Theory*, 1-13. doi:10.1080/00131857.2015.1101364

Levistik, L. S., & Barton, K. C. (2011). *Doing history: Investigating with children in elementary and middle schools*. London: Routledge.

Ling W, A., Mona Masood, & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analyzing the relationship of sequential and global learning styles on students historical thinking and understanding: A case study on form four secondary schools students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, *6*, 50-58. Retrieved from: https://ejournal.upsi.edu.my/

Mardiana Nordin, (2015, Mei). Penyelidikan Sejarah, Sumber-sumber Sejarah dan Bidang-bidang di dalam Kajian Sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Retrieved from: https://www.um.edu.my/docs/librariesprovider4/

Marino, M.P. (2011). High school world history textbooks: An analysis of content focus and chronological approaches. *The History Teacher*, *44*(3), 421- 446.

Martin, D. (2012). Using core historical thinking concepts in an elementary history method course. *The History Teacher*, *45*(4), 581-602.

Mink, L. (1987). *Historical understanding*. Ithaca: Cornell University Press.

Mohamad Rodzi Abdul Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Polities & Strategy*, *36*, 90-106. Retrieved from: www.ejournal. uk.my/jebat/

Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Polities & Strategy*, *39*(2), 116-141. Retrieved from: www.ejournal. uk.my/jebat/

Norizan Seman. (2003*). Perkembangan pendidikan sejarah di Semenanjung Malaysia (1984 hingga 2002)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusoff. (2016). Tahap pengetahuan dan sikap graduan IPT serta hubungannya dengan minat terhadap sejarah: Usaha awal memupuk semangat cinta negara. *Jurnal Pemikir Pendidikan, 7*, 57-72.

Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad. (1996). *Kaedah pengajaran sejarah.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Peck, C., & Seixas, P. (2008). Benchmarks of historical thinking: First steps. *Canadian Journal of Education, 31*, 1015-1038.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (1988). *Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian sukatan pelajaran mata pelajaran sejarah tingkatan empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2013). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sejarah tahun empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran mata pelajaran sejarah tingkatan satu.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Ramoroka, D., & Engelbrecht, A. (2015). *The role of history textbooks in promoting historical thinking in South African classrooms. Yesterday & Today, 14*, 99- 124. doi:10.17159/2223-0386/201514a5

Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2014, Ogos). Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), Kedah, Malaysia.

Rosy Talin. (2015). Historical thinking skills–The forgotten skills? *International Journal of Learning and Teaching, 7*(1), 15-23. Retrieved from: www.ijlt.org

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Rosy Talin. (2016). Why historical thinking skills was not there? *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 15*(3), 134-142. Retrieved from: www.ijlter.org

Rully Putri Nirmala Puji, & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pembelajaran Sejarah di Peringkat Universitas. *Edusentris: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran, 2*(3), 253- 263. Retrieved from: www.ejurnal.sps.upsi.edu/index.php/edusentris

Schmidt, M.A. (2019). The historian and the research in history education. *Educar em Revista, 35*(74), 35-53. doi: 10.1590/0104-4060.45981.

Seixas, P. (1996). Conceptualizing the growth of historical understanding. In D.R. Olson & N. Torrance (Eds.), *Handbook of education and human development: New models of learning, teaching and schooling* (pp. 765-783). Malden: Blackwell.

Shakila Yakob. (2010, Oktober, 19). Ilmu sejarah membina negara. *Utusan Malaysia*. Retrieved from: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.

Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor. (2016). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia, 1957-1989. *Sejarah, 25*(2), 40-57.

Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul, & Elisabeth Tak. (2010). Students' perception of the teaching of historical thinking skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities, 18*(S), 87-95. Retrieved from: www.pertanika.upm.edu.my

Sheehan, M. (2013). Better to do than receive: Learning to think historically through internally assessed course work. *Teaching & Learning Research Initiative*, 1-13.

Siti Hawa Abdullah. (2008). Takrif dan ciri-ciri pemikiran sejarah. *Pendidikan Sejarah*, *9*(1), 98-106.

Sivachandralingam Sundara Raja (2018). History thinking skills and its relevance to history teaching. In Halimah Mohd Said, Asma Abdullah, Kalaivani Nadarajah & Sivachandralingam Sundara Raja (Eds.), *History For National Building* (pp.133-185). Kuala Lumpur: PCORE.

Spoehr, K.T., & Spoehr, L.W. (1994). Learning to think historically. *Educational Psychologist, 29*(2), 71-77.

Tarman, B., & Kuran, B. (2015). Examination of the cognitive level of questions in social studies textbook and the views of teachers based on bloom taxonomy. *Educational Sciences: Theory & Practice, 15*(1), 213-222. doi:10.12738/estp.20151.2625

Thangamalar Paramasivam & Nagendralingam Ratnavadivel. (2018). Issues and challenges in managing curriculum change in primary schools: A case study of managing year four history curriculum in the district of Kuala Selangor, Malaysia. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education, 8*(1), 18-31. Retrieved from: https://ejournal.upsi.edu.my

VanSledright, B. (2002). *In search of America's past: Learning to read history in elementary school.* New York: Teachers College Press

VanSledright, B.A. & Frankes, L. (2000). Concepts and strategies knowledge development in historical study: A comparative explorations in two fourth grade classrooms. *Cognition & Instruction, 18*(2), 239-283.

VanSledright, B.A. (2004). What does it mean to read history history? Fertile ground for cross-disciplinary collaborations? *Reading Research Quarterly, 39*(3), 342-346.

Vivancos, A. E., & Ferrer, L.A. (2018). What is historically significant? Historical thinking through the narratives of college students. *Thematic Section: Higher Education, 44*,1-16. doi:10.1590/S1678-4634201709168641

Waring, S.M. & Robinson, K.S. (2010). Developing critical and historical thinking skills in middle grades social studies. *Middle School Journal,* 22-28. doi:10.1080/00940771.2010.11461747

Wilson, S.M., & Wineburg, S. (1988). Peering as history through different lenses: The role of disciplinary perspectives in teaching history. *Teachers College Record, 89*, 525-539.

Wineburg, S. (1991a). Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Journal of Educational Psychology, 83*, 73-87.

Wineburg, S. (1991b). On the reading of historical texts: Notes on the breach between school and academy, *American Educational Research Journal, 28*, 495-519.

Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past.* Philadelphia: Temple University Press.

Wineburg, S. (2010). Historical thinking and other unnatural acts. *Kappan Classic, 92*(4), 81- 94. Retrieved from: www.kappanmagnize.org

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 490 - 500), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063

Wineburg, S., & Fourneir, J.E. (1994). Contextualized thinking in history. In M. Carratero & J.F.Voss (Eds.), Cognitive and instructional processes in history and the social sciences (pp. 285-308). Hillsdale: Lawrence Erlbaum Associates.

Wineburg, S., & Wilson, S.M. (1991). Models of wisdom in the teaching history. *The History Teacher*, 24(4), 395-412. Retrieved from: www.jstor/org/stable/494699

Wineburg, S., Smith, M., & Breakstone, J. (2018). What is learned in college history classes? *The Journal of American History*, 983-993. doi:10.1093/jahist/jax434

Zaccaria, M.A. (1978). The development of historical thinking: Implications for the teaching of history. *The History Teacher, 11*(3), 323-340. Retrieved from: www.jstor.org/stable/491623